

20/01/1999

Aidilfitri disambut sederhana

KUALA LUMPUR, Selasa - Aidilfitri hari ini disambut meriah secara sederhana oleh segenap lapisan umat Islam di seluruh negara walaupun kegawatan ekonomi masih melanda.

Sambutan bermula awal pagi apabila umat Islam pergi ke masjid menunaikan solat sunat Aidilfitri. Selepas itu, mereka meneruskan amalan menziarahi saudara dan rakan sambil menjamu juadah yang dihidangkan serta bermaaf-maafan.

Suasana dimeriahkan lagi dengan kunjungan rakan dan jiran bukan beragama Islam yang sekali gus membuktikan kehidupan yang aman dan harmoni rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Kediaman pemimpin turut menjadi tumpuan kerana masing-masing menganjurkan jamuan Aidilfitri.

Di ibu negara, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Negara bersama rakyat jelata.

Turut menunaikan solat sunat Aidilfitri ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa menteri Kabinet serta diplomat asing.

Selepas itu, hampir 30,000 orang mengunjungi Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, di kediamannya di Sri Perdana.

Turut mengunjungi beliau ialah Abdullah dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang.

Abdullah juga menjamu tetamunya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang dikunjungi lebih 20,000 orang.

Di SHAH ALAM, lebih 3,000 rakyat pelbagai lapisan mengunjungi majlis jamuan Aidilfitri diadakan Sultan Selangor di Istana Kayangan. Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar dan anggota Exco negeri adalah antara mereka yang hadir.

Di IPOH, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah menunaikan solat sunat Aidilfitri bersama rakyat di Masjid Ubudiah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar, jam 8.30 pagi.

Sementara itu, ribuan rakyat mengunjungi rumah terbuka di kediaman Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan isterinya, Puan Sri Raja Noora Ashikin Raja Abdullah, di Jalan Raja Dihilir, di sini.

Di PULAU PINANG, lebih 10,000 rakyat pelbagai kaum mengunjungi rumah terbuka Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar di kediamannya di Pokok Machang, Tasek Gelugor, dekat sini.

Turut mengunjungi rumah terbuka itu ialah Yang Dipertua Negeri, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir bersama isteri, Toh Puan Siti Zainab Baharuddin; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Yahaya Abdul Hamid.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr Ibrahim Saad turut mengadakan rumah terbuka di kediamannya, di Jalan Tanah Liat, Bukit Mertajam, Seberang Prai Tengah.

Di ALOR STAR, Sultan Kedah menunaikan solat sunat Aidilfitri bersama ribuan umat Islam di Masjid Zahir di sini. Turut sama ialah Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid dan beberapa ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri.

Sultan Kedah kemudian mengadakan jamuan Aidilfitri untuk rakyat di